

Kritikan berterusan pecah-belahkan parti

Bekas Presiden Umno patut henti kritikan, hindari pembangkang

KUALA LUMPUR: Pemimpin Umno pelbagai peringkat tidak menolak kemungkinan kritikan berterusan oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad terhadap Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan memecah-belahkan parti, serta mengugat kepemimpinan kerajaan.

Mereka juga meminta Dr Mahathir mengutamakan parti yang diterajunya lebih 22 tahun sebagai Presiden dan tidak memberikan ruang kepada pembangkang menggunakan isu yang dibangkitkan sebagai modal politik.

"Sepatutnya, sebagai seorang yang dihormati, Tun (Mahathir) memberi nasihat menggunakan saluran betul, bukan buat kritikan terbuka, malah dengan tuduhan yang tidak berasas," kata Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pahang, Datuk Seri Adnan Yakob selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Pergerakan Pemuda, Wa-

nita dan Puteri Umno Bahagian Bukit Bintang di sini, semalam.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohd Ali Rustam meminta Dr Mahathir tidak terus mengkritik kerajaan secara terbuka, sebaliknya berbincang sebagai satu keluarga Umno bagi mengatasi kemelut politik antaranya dengan Abdullah.

"Yang untung pembangkang, sebab itu pembangkang senyap saja. Kita tak setuju cara Tun ini, ia boleh lemahkan kerajaan"

Mohd Ali Rustam
Naib Presiden Umno

"Yang untung pembangkang, sebab itu pembangkang senyap saja. Kita tak setuju cara Tun ini, ia boleh lemahkan kerajaan," katanya pada sidang media selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Umno Bahagian Setiawangsa, di sini semalam.

Di BUTTERWORTH, Ketua Pemuda Umno, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata apa yang penting, parti mesti mempertahankan Presiden dan kerajaan.

"Kalau tak jadi pegangan, ramai akan perlekehkan parti dan masa itu apa yang dirancang tak ke mana. Jika isu yang perlu penjelasan kita beri penjelasan. Mereka yang nak dengar akan dengar," katanya selepas merasmikan mesyuarat agung tahunan Pergerakan Pemuda Umno Bahagian Bagan di Dewan Datuk Haji Ahmad Badawi, di sini, semalam.

Di KOTA KINABALU, Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Mustapa Mo-

hamed adalah menjadi kewajipan semua ahli parti di setiap peringkat kepimpinan hingga ke akar umbi memberi sokongan padu Presiden Umno dan Perdana Menteri.

Di TANJONG KARANG, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata Umno lebih Panting berbanding individu.

"Dalam tradisi Umno, tiada personaliti lebih penting daripada parti. Walau sehebat manapun tokoh itu termasuk Tun (Dr Mahathir Mohamad) yang kita sanjung 22 tahun lamanya," katanya ketika merasmikan mesyuarat Perwakilan Umno Bahagian Tanjong Karang di Dewan Datuk Hormat di sini, semalam.

Di BATU PAHAT, Menteri Kema-juan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Abdul Aziz Shamsuddin percaya penyelesaian kepada kemelut antara Abdullah dan Dr Mahathir tidak akan berlarutan.